

02 NOV 2002

ABDULLAH: KESTABILAN POLITIK PUNCA KEYAKINAN PELABUR ASING

BUKIT MERTA JAM, 2 Nov (Bernama) -- Kestabilan politik dan tenaga pekerja yang mahir merupakan punca negara mampu untuk menarik minat pelabur asing ke negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata walaupun keadaan ekonomi dunia sekarang tidak menentu, namun Malaysia masih mampu untuk menarik pelaburan asing ekoran keupayaannya menjadi pusat produktiviti di rantau ini kerana kestabilan politiknya.

"Syarikat-syarikat besar telah datang berjumpa saya dan menyatakan bahawa hasil kajian mereka mendapati dasar yang diamalkan oleh kerajaan telah menyebabkan kestabilan politik (negara) dan ia menjadikan pelabur asing semakin yakin untuk melabur di negara ini," katanya ketika berucap pada majlis Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Maktab Perguruan Tuanku Bainun di sini hari ini.

Majlis itu dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan para pemimpin negeri.

Abdullah memberi contoh sebuah syarikat pelaburan asing, IBM, telah membuka kilang pengeluaran komputer di Pulau Pinang di tengah-tengah negara Asia lain sedang bersaing untuk menarik pelaburan asing.

"Syarikat itu membuka kilang kerana mereka yakin negara kita ada pekerja yang mempunyai kebolehan yang tinggi, cekap dan mahir dalam membuat komputer jenama Malaysia selain kedudukan negara yang aman dan stabil," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut meminta rakyat negara ini agar memperbaiki hidup dengan menggalakkan anak-anak menguasai ilmu sains dan teknologi.

-- BERNAMA

AZE RON